

25 APR 1998

Mahathir-Restoran

LEBIH BANYAK AKTIVITI EKONOMI DIPERLUKAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ahri ini berkata lebih banyak aktiviti ekonomi yang boleh menyumbang kepada kewangan negara harus diwujudkan kerana ia penting dalam usaha membangunkan Malaysia.

Berucap ketika merasmikan restoran jejantas Sungai Buloh di sini, beliau berkata restoran berharga RM20 juta itu akan dapat menarik ramai pengunjung.

Katanya dalam kegawatan ekonomi sekarang, restoran itu merupakan antara aktiviti yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Beliau berharap restoran itu milik PLUS Berhad, pengendali Lebuhih Raya Utara-Selatan, dapat menarik pelancong dan juga pengguna lebuhih raya itu.

"Ini akan menjadi satu lagi kemudahan yang selesa kepada orang ramai," katanya.

Perdana Menteri berkata konsep restoran jejantas itu yang terdapat di Amerika Syarikat dan Europah telah berjaya menambahkan aktiviti perniagaan.

Beliau berharap syarikat-syarikat konsesi lain akan mewujudkan restoran serupa di lebuhih raya kendalian masing-masing.

Dr Mahathir juga mencadangkan satu pertandingan di antara syarikat-syarikat konsesi supaya mereka akan memberi perkhidmatan terbaik kepada orang ramai.

Pada majlis itu, beliau menerima sumbangan berbentuk cek daripada PLUS dan 7-Eleven kepada Rumah Warga Tua Seri Tanjung dan Rumah Anak Yatim Kampung Damai.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar Selangor Datuk Abu Hassan Omar dan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu.

Restoran itu adalah yang pertama daripada dua restoran seumpamanya di lebuhih raya itu. Sebuah lagi terletak di KM210 dekat Ayer Keroh di Melaka yang dijadual beroperasi sepenuhnya Jun ini.

Kemudahan lain yang terdapat di situ termasuk surau, stesen minyak dan mesin ATM.

-- BERNAMA

ES MAI